

## PENGURUSAN INSTITUSI ZAKAT BERDASARKAN MAQASID SYARIAH DAN MATLAMAT PEMBANGUNAN LESTARI (SDG)

*Management of Zakat Institution Based on Maqasid Syariah And Sustainable Development Goals (SDG)*

Azman Ab. Rahman

Timbalan Pengarah INFAD, International Fatwa and Halal Centre (iFFAH), Universiti Sains Islam Malaysia  
[azman@usim.edu.my](mailto:azman@usim.edu.my)

Abstrak	Abstract
<p>Sejarah telah mencatatkan bahawa tadbir urus institusi zakat pada zaman Nabi Muhammad SAW sehingga perkembangan Islam telah membuktikan kejayaan dalam pengurusan zakat sama ada dalam konteks kutipan dan agihan zakat. Pelbagai kaedah dan pendekatan yang digunakan dalam memastikan pengurusan zakat berjalan dengan lancar termasuk pengagihan zakat yang cekap dan efisien. Terdapat beberapa prinsip yang telah diletakkan oleh Nabi Muhammad SAW, khalifah yang empat dan para sahabat dalam memacu pengurusan zakat ketika itu. Pendekatan dan prinsip yang diamalkan ketika itu telah berjaya membantu pengurusan zakat termasuk amil dalam menjalankan tugas mereka sama ada sebagai pengutip zakat mahupun pengagih zakat. Kini, pengurusan zakat semakin berkembang dengan wujudnya pelbagai sumber pendapatan baharu, kaedah kutipan yang baharu termasuk skim-skim zakat yang ditawarkan. Bagi memastikan kelangsungan institusi zakat pada masa kini, pendekatan maqasid syariah dan Matlamat Pembangunan Lestari (SDG) dilihat pendekatan yang terbaik yang boleh dilaksanakan pada hari ini. Justeru,</p>	<p>History notes that the administration of zakat institution during the time of Prophet Muhammad until the development of Islam has proven to be successful in its zakat management both in collection as well as in its distribution. Various methods and approaches were used to ensure that the zakat management went smoothly including an effective and efficient zakat distribution. There are several principles laid down by the Prophet Muhammad, the four caliphs and his companions in guiding the zakat management at that time. The approaches and principles practiced at that time have successfully assisted the management of zakat including amil in carrying out their duties either as a zakat collector or as a zakat distributor. Nowadays, zakat management is on the rise with new sources of income, new collection methods, as well as new zakat schemes which being offered. To ensure the sustainability of zakat institutions today, the maqasid syariah approach and Sustainable Development Goals (SDG) are seen as the best practical approach today. Therefore, the objectives of this study will be to discuss the concept of maqasid Syariah and SDG in general. This study</p>

<p><i>objektif kajian ini akan membincangkan secara umum konsep maqasid syariah dan SDG. Kajian ini juga akan memfokuskan kepada pendekatan maqasid syariah dan SDG dalam tadbir urus institusi zakat termasuk pengagihan zakat. Kajian berbentuk kualitatif ini menggunakan kaedah dokumentasi dan pemerhatian. Hasil kajian mendapati bahawa pendekatan maqasid syariah dan SDG boleh dijadikan asas sebagai panduan dan rujukan dalam tadbir urus institusi zakat di Malaysia. Kajian juga mendapati bahawa secara umumnya skim pengagihan zakat yang disediakan oleh Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) selari dengan maqasid syariah dan SDG. Kajian lanjutan boleh dilaksanakan dengan melakukan semakan dan penelitian terhadap pengurusan zakat di negeri-negeri di Malaysia termasuk skim agihan zakat berdasarkan pendekatan maqasid syariah dan SDG.</i></p> <p><b>Kata Kunci:</b> <i>Institusi Zakat, Maqasid Syariah, Matlamat Pembangunan Lestari (SGD)</i></p>	<p><i>will also focus on maqasid syariah and SDG approaches in the governance of zakat institutions including the distribution of zakat. This qualitative study uses documentation and observation methods. The results show that the maqasid syariah and SDG approaches can be used as a guide and reference in the governance of zakat institutions in Malaysia. The study also found that generally the zakat distribution scheme provided by the Federal Territory Islamic Religious Council (MAIWP) is currently in line with the maqasid syariah and the SDG. Further research can be done by reviewing and researching on zakat management in the states of Malaysia including the zakat distribution scheme based on the maqasid syariah and SDG approaches.</i></p> <p><b>Keywords:</b> <i>Zakat Institution, Maqasid Syariah, Sustainable Development Goals (SDG)</i></p>
---	---

## PENDAHULUAN

Zakat merupakan rukun Islam ketiga yang wajib ditunaikan oleh setiap umat Islam. Pensyariatan zakat berperanan sebagai medium penyucian harta serta perkongsian kekayaan bagi mengukuhkan ekonomi umat Islam. Institusi zakat perlu merancang, mengurus dan mengatur strategi dalam memastikan objektif pensyariatan zakat tercapai. Pelbagai pendekatan dan amalan yang telah digunakan oleh institusi zakat dalam memaksimumkan kutipan dan ketelusan dalam pengagihan zakat.

Pendekatan *maqasid syariah* dan SDG pada masa kini dilihat suatu pendekatan yang mampu memperkasakan pengurusan zakat khususnya di Malaysia dan negara luar umumnya. Terdapat beberapa perkara dalam pengurusan zakat yang perlu

disemak semula dari segi tadbir urus dan sebagainya dengan menggunakan pendekatan *maqasid syariah* dan SDG. Pengagihan zakat dan skim agihan zakat yang disediakan oleh MAIN dan pusat zakat disarankan menggunakan pendekatan *maqasid syariah* dalam menawarkan skim-skim bantuan yang diperlukan oleh asnaf dan selari dengan SDG. Ini kerana setiap skim bantuan yang disediakan kepada golongan asnaf memainkan peranan penting dalam memastikan setiap keperluan asnaf dipenuhi dan bertepatan dengan syariat Islam.

Justeru, bagi memastikan setiap skim agihan zakat yang disediakan mencapai matlamat kewajipan dan hikmah berzakat, maka pendekatan agihan zakat mengikut *maqasid syariah* dan SDG dilihat mampu direalisasikan. Pendekatan *maqasid syariah* dan SDG dalam pengurusan zakat diyakini dapat menjamin kepercayaan pembayar zakat dan kepentingan penerima zakat seterusnya menjadikan institusi zakat di Malaysia lebih unggul dan bertaraf dunia.

## KONSEP MAQASID SYARIAH

*Maqasid syariah* didefinisikan sebagai “Matlamat yang ditentukan oleh Syariat untuk direalisasikan bagi faedah dan kepentingan manusia iaitu untuk menghasilkan kebaikan dan menolak keburukan” (Ahmad al-Raisuni, 1995; Al-Shatibi, 1997). *Maqasid syariah* melihat kepada perubahan nilai semasa, setempat, ‘urf dan *maslahah* seiring dalam proses pengeluaran ijтиhad semasa kerana kejahilan memahaminya akan memberi impak negatif terhadap syariat Islam.

Syariat Islam bersifat dinamis dan fleksibel menyusun objektif syariah selari dengan keperluan dan kepentingan manusia sejagat berdasarkan kepada tiga tahap kepentingan iaitu *al-daruriyyat*, *al-hajiyyat* dan *al-tahsiniyyat* (Al-Shatibi, 1997).

*Al-Daruriyyat*: merupakan keperluan sesuatu *maslahah* yang diperlukan dan dihajati. Sekiranya tidak diambil perhatian, ia akan menghancurkan sistem kehidupan

manusia secara keseluruhan. *Al-Hajiyat*: merupakan sesuatu objektif atau tujuan yang diperlukan untuk mencapai kelapangan dalam kehidupan, sekali gus menghilangkan kesempitan yang pada kebiasaanannya membawa kesusahan. *Al-Tahsiniyyat*: merupakan usaha mencapai keperluan biasa dan kepentingan asas bersifat sebagai pelengkap kepada pencapaian *hajiyat* dan *daruriyyat*. (Al-Ghazali, 1993).

*Daruriyyat* terdiri daripada perkara-perkara utama dalam agama yang digelar *al-daruriyyat al-khamsah* iaitu pemeliharaan agama, jiwa, akal, keturunan dan harta. Oleh itu, dalam konteks agihan zakat kepada asnaf, setiap skim agihan yang disediakan perlu dinilai seiring dengan kehendak syarak yang menitikberatkan kemaslahatan dan keutamaan supaya dapat memenuhi setiap keperluan asnaf.

### Jadual 1: Tahap Kepentingan Manusia

No	Tahap
1	<i>al-daruriyyat</i>
2	<i>al-hajiyat</i>
3	<i>al-tahsiniyyat</i>

Sumber: Al-Shatibi: 1977

### Jadual 2: *Al-Dharuriyyat al- Khamsah*

No	5 Kepentingan Utama
1	Memelihara Agama
2	Memelihara Keturunan
3	Memelihara Akal
4	Memelihara Nyawa
5	Memelihara Harta

Sumber: Al-Shatibi: 1977

## MATLAMAT PEMBANGUNAN LESTARI (SDG)

'Lestari' menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2017) bermaksud "tidak berubah-ubah, kekal, tetap; melestarikan menetapkan, mengekalkan. Secara konseptual, idea kelestarian yang menyeluruh meliputi kelestarian sosial, persekitaran dan ekonomi. Konsep kelestarian menurut Hasna (2007) ialah proses yang terus berterusan; digambarkan sebagai sebuah perjalanan yang sangat penting, tetapi hanya sebagai sasaran untuk sampai ke destinasi masa hadapan yang diingini.

Matlamat Pembangunan Lestari (SDG) telah diperkenalkan oleh Persatuan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB-UN) melalui usaha sama global negara-negara anggota dalam bidang Pendidikan (E), Sains (S), Budaya dan Komunikasi (CO). Dengan memperkenalkan 17 matlamat kelestarian global (rujuk Rajah 1), UNESCO berharap agar negara-negara anggota komited ke arah merealisasikan matlamat-matlamat tersebut menjelang tahun 2030.

**Jadual 3: Matlamat Pembangunan Lestari (SDG)**

No	Matlamat
1	Tiada kemiskinan
2	Sifar Kelaparan
3	Kesihatan dan Kesejahteraan
4	Pendidikan Berkualiti
5	Kesaksamaan Gender
6	Ketersediaan Pengurusan Air dan Sanitasi Yang Lestari
7	Memastikan Akses Kepada Tenaga yang mampu dimiliki, Lestari dan Moden

- 
- 8 Pengembangan Kerjaya dan Pembangunan Ekonomi
  - 9 Membina Infrastruktur Berdaya Tahan, Menggalakkan Perindustrian Inklusif, Lesatri dan Inovasi
  - 10 Mengurangkan ketidaksamaan Kawasan
  - 11 Kelestarian Bandar dan Komuniti
  - 12 Memastikan Penggunaan dan Corak Pengeluaran yang Lestari
  - 13 Menangani Perubahan Iklim dan Kesan-kesanya
  - 14 Ekosistem Lautan
  - 15 Ekosistem Daratan
  - 16 Institusi Yang Damai, Adil dan Kuat
  - 17 Rakan Strategik
- 

Sumber: UNESCO's website resources

## PENGURUSAN INSTITUSI ZAKAT DAN SDG

Pengurusan institusi zakat pada masa kini semakin berkembang dari setiap sudut sama ada dari segi tadbir urus, pemerkasaan amil, pengurusan kutipan dan agihan. Usaha dan langkah pemerkasaan institusi zakat perlu seiring dengan kehendak syarak dan kehendak semasa. *Maqasid syariah* perlu dijadikan asas yang kuat dalam merancang dan menentukan hala tuju institusi zakat bagi mencapai objektif pensyariatan zakat dalam Islam.

Realiti dunia ketika ini banyak berlaku fenomena dan isu-isu sangat yang memerlukan kepada penyelesaian secara global dan bijaksana. Isu-isu kemiskinan, pendidikan dan kesejahteraan hidup manusia sentiasa menjadi tumpuan sama ada di Malaysia mahupun dunia. Pelbagai inisiatif dilakukan oleh pihak-pihak berautoriti dan NGO dalam sama-sama membantu mengurangkan isu-isu yang bersifat nasional dan global.

Di Malaysia, institusi zakat secara tidak langsung mempunyai peranan dalam membantu menyelesaikan isu-isu ini khususnya yang melibatkan golongan asnaf. Isu-isu yang dihadapi amat berkait rapat dengan SDG yang memerlukan penyelesaian secara hikmah dan berkesan. Matlamat SDG yang telah ditetapkan oleh UNESCO dilihat mempunyai hubungan dengan tadbir urus zakat khususnya SDG-16 dan SDG-17 yang memfokuskan kepada institusi yang damai, adil dan kuat serta rakan strategik.

## TADBIR URUS ZAKAT DAN SDG

Tadbir urus didefinisikan sebagai sistem yang membuatkan sesebuah organisasi terarah dan terkawal (The Cadbury Report, 1992). Menurut Ketua Setiausaha Negara, dalam surat arahan bertarikh 9 Mac 2007, iaitu berkenaan dengan usaha bagi mempertingkat tadbir urus dalam sektor awam. Tadbir urus didefinisikan sebagai: "Sistem yang merangkumi aspek-aspek seperti tatacara Ketua Eksekutif atau Ketua Jabatan dan para pegawai di semua peringkat pengurusan melaksanakan tanggungjawab secara telus dan berhemah dari segi pengambilan dan penyampaian hasil, struktur termasuk budaya kerja, dasar, strategi serta tatacara mereka berurus dengan pelbagai pihak yang berkepentingan (stakeholders) dan proses di mana agensi awam diurus, dikawal dan dipertanggungjawabkan untuk melaksanakan objektif yang telah dipersetujui" (Mohd. Sidek Hassan, 2007).

Dapat dirumuskan bahawa tadbir urus merujuk kepada proses, peraturan dan amalan yang menjadikan sesebuah organisasi lebih terarah, terkawal dan bertanggungjawab. Asasnya, prinsip keterbukaan, integriti dan sifat bertanggungjawab perlu menjadi teras dalam sesebuah organisasi tadbir urus. Dalam konteks sektor awam, tadbir urus adalah berkaitan struktur dan proses bagi pembuatan keputusan, kebertanggungjawaban, kawalan dan tingkah laku di peringkat tertinggi sesebuah organisasi. Tadbir urus yang baik atau *Good Governance* pula didefinisikan sebagai

“Konsep normatif nilai-nilai ke arah merealisasikan perlakuan tadbir urus dan kaedah yang digunakan oleh sekumpulan faktor sosial yang berinteraksi mengikut konteks sosial tertentu” (PIDM, 2018). Sesebuah organisasi sosial lazimnya dapat difahami sebagai gabungan antara pihak pemerintah, pihak pelaksana dan masyarakat. Kesemua organisasi atau kumpulan manusia hakikatnya perlu bernaung di bawah satu tadbir urus yang cekap dan sistematik dalam mencapai misi atau matlamat yang disasarkan.

Hakikatnya, Islam sebagai agama yang lengkap telah memperkenalkan tadbir urus yang terperinci berteraskan prinsip syarak. Tadbir urus yang berteraskan Islam mestilah memperjuang hak keadilan, kebebasan hak milik, kebebasan bersuara, kebebasan peribadi, kebebasan beragama dan kebebasan berpolitik (Bharuddin Che Pa, 2013). Pihak Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) juga telah memperkenalkan model tadbir urus yang berteraskan prinsip *maqasid* syariah. Berdasarkan model tersebut, lima prinsip asas *maqasid* syariah iaitu pemeliharaan agama, nyawa, akal, keturunan dan harta perlulah dijaga seoptimum mungkin dalam sesebuah tadbir urus yang cemerlang. Selain itu, tadbir urus Islam yang cemerlang perlulah bijaksana dalam menyeimbangkan keputusan-keputusan berlandaskan hierarki keutamaan iaitu *Daruriyyat* (kepentingan asas), *Hajiyyat* (keperluan) dan *Tahsiniyyat* (pelengkap). Tadbir urus Islam juga perlu mementingkan *Maslahah Ammah* (kepentingan umum) sesebuah masyarakat. Ringkasnya, sesebuah tadbir urus yang dinamik perlulah berorientasikan pencapaian kepentingan masyarakat umum dan bukannya berdasarkan kepentingan individu (JAKIM, 2015).

Tadbir urus Islam yang holistik dan efektif merupakan gambaran kepimpinan dan cerminan kejayaan sesebuah organisasi atau institusi. Allah telah mengutuskan Rasulullah SAW sebagai contoh terbaik dalam segenap perkara termasuklah dalam perihal tadbir urus. Menurut Ermy Azziati, Lukman & Wan Kamal (2017), tadbir urus di zaman Rasulullah SAW mementingkan penjagaan hubungan dengan Allah, sesama

manusia dan alam sekeliling. Sebuah tadbir urus organisasi yang terancang akan memastikan kesemua aspek tersebut dijaga.

Ini jelas menunjukkan bahawa tadbir urus amat penting dalam pengurusan zakat bagi memastikan kutipan dan agihan zakat bertepatan dengan syarak. SDG-16 iaitu institusi yang damai, adil dan kuat dilihat amat berkait dalam memastikan tadbir urus institusi zakat patuh syariah, adil dan saksama. Pengurusan institusi zakat perlu menjadi contoh yang terbaik kepada masyarakat dan kerajaan kerana ia melibatkan pengurusan dana, modal insan, ekonomi dan pembangunan negara.

Terdapat banyak agensi atau institusi yang mempunyai masalah pengurusan dan sebagainya yang menyebabkan terpaksa ditutup atau distruktur semula. Perkara ini timbul disebabkan isu tadbir urus yang tidak cekap, tidak amanah dan pengurusan organisasi yang lemah. Setiap MAIN yang menguruskan zakat termasuk Pusat Zakat Negeri harus memastikan bahawa pengurusan dan pentadbiran perlu mengikuti *Standard Operating Procedure (SOP)* atau tadbir urus yang telah ditetapkan.

Sesi pemantauan dan audit yang berterusan amat penting bagi memastikan tadbir urus zakat berjalan dengan lancar dan menepati kehendak syarak. Segala isu dalaman organisasi perlu diselesaikan sebaik mungkin bagi mewujudkan suasana kerja yang damai dan harmoni. Hormat menghormati dan saling tegur-menegur secara hikmah dan ihsan perlu diterapkan dalam kalangan kakitangan termasuk para pelanggan khususnya asnaf.

Keadilan dan kesaksamaan dalam kalangan kakitangan dan layanan kepada asnaf perlu dititik beratkan tanpa mengira perbezaan pangkat dan darjah. Ini amat penting bagi meningkatkan persepsi yang tinggi kepada institusi zakat yang secara tidak langsung dapat menguatkan institusi tersebut.

Pengkaji amat yakin sekiranya institusi ingin dihormati dan dipercayai serta diyakini oleh pembayar zakat dan penerima zakat, mereka perlu bekerja keras bagi memastikan institusi mereka sentiasa dalam keadaan damai, adil dan kuat. Perkara ini amat penting bagi memperkasakan pengurusan zakat dalam konteks memaksimumkan kutipan dan kelestarian dalam pengagihan.

SDG-17 iaitu rakan strategik untuk mencapai matlamat juga dilihat berkait rapat dalam kejayaan tadbir urus zakat. Rakan strategik amat penting dalam memacu pengurusan zakat khususnya dalam kutipan dan agihan zakat. Kutipan zakat melibatkan individu dan syarikat korporat yang merangkumi zakat perniagaan dan pendapatan. Berdasarkan kepada statistik laporan zakat kebanyakan institusi zakat, kutipan zakat pendapatan dan perniagaan merupakan jenis zakat yang mencatatkan jumlah kutipan yang tertinggi berbanding jenis zakat yang lain.

Ini jelas menunjukkan bahawa kekuatan dan hubungan yang erat antara pusat zakat dan pembayar zakat sama ada individu mahupun syarikat korporat telah banyak membantu dalam memperkasakan kutipan zakat di Malaysia. Pihak institusi zakat perlu sentiasa mengadakan program dan aktiviti termasuk perbincangan dua hala bersama pembayar zakat yang merupakan rakan strategik dalam agenda membantu golongan B40 (kumpulan isi rumah berpendapatan 40%) dan yang memerlukan. Pengkaji amat yakin dengan kerjasama erat bersama rakan strategik dalam apa juu aktiviti zakat ia secara tidak langsung membantu dalam mencapai matlamat dan visi misi yang telah ditetapkan.

Pengurusan zakat yang damai dan adil disokong dengan rakan-rakan strategik dalam membantu mencapai matlamat pasti akan disanjung tinggi oleh masyarakat dan dihormati dalam dan luar negara. Kehebatan ini akan dikenali oleh negara luar malah

berkemungkinan besar ramai pihak dalam dan luar ingin mempelajari kaedah dan pengalaman yang dilaksanakan.

## **PENGAGIHAN ZAKAT MENGIKUT MAQASID SAYRIAHD DAN SDG**

Pelbagai skim agihan zakat yang diperuntukkan oleh MAIN dan Pusat Zakat bagi membantu golongan asnaf. Skim ini meliputi aspek kebajikan dan pembangunan asnaf seperti bantuan keperluan asasi, keperluan pendidikan, agama, perubatan, perumahan, modal perniagaan dan sebagainya. Semua skim yang disediakan harus disemak dan dinilai semula dalam memastikan ianya bertepatan dengan *maqasid syariah* dan selari dengan SDG.

Secara umumnya, berdasarkan pemerhatian dan penelitian kajian ini, skim bantuan yang disediakan oleh pihak Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan sebagai contoh telah meliputi konsep *maqasid syariah*. Jadual 4 menunjukkan pembahagian skim bantuan yang disediakan oleh pihak MAIWP berdasarkan konsep *maqasid syariah*.

**Jadual 4: Skim Bantuan MAIWP Berdasarkan *Maqasid Syariah***

Bil.	Skim Bantuan	Maqasid Syariah
1	Bantuan Kewangan Bulanan	Agama & Nyawa
2	Bantuan Aidilfitri	Agama & Nyawa
3	Bantuan Takaful Asnaf	Agama & Nyawa
4	Bantuan Perubatan	Nyawa
5	Bantuan Menyelesaikan Hutang	Nyawa & Harta
6	Bantuan Perkahwinan	Keturunan
7	Bantuan Ibnu Sabil	Nyawa & Agama

8	Bantuan Kecemasan	Nyawa
9	Bantuan Guaman Syarie	Agama, Nyawa & Harta
10	Bantuan Musibah	Nyawa, Harta & Keturunan
11	Bantuan Deposit Sewa Rumah/Sewa Rumah Bulanan	Keturunan & Harta
12	Bantuan Membina/Membaiki Rumah	Keturunan & Harta
13	Bantuan Deposit Beli Rumah Kos Rendah	Keturunan & Harta
14	Bantuan Am Persekolahan	Akal
15	Bantuan Am Pelajaran IPT	Akal
16	Bantuan Peralatan Dan Kecemasan Sekolah	Akal
17	Bantuan Biasiswa/ Intensif Khas Pelajar Cemerlang Dalam & Luar Negara	Akal
18	Bantuan Persediaan IPT	Akal
19	Bantuan Tuisyen	Akal
20	Bantuan Pelajar Kolej Antarabangsa Sains Perubatan PUSRAWIL (PICOMS)	Akal
21	Bantuan Pelajar Institut Profesional Baitulmal	Akal
22	Bantuan Galakan Hafaz Al-Quran	Agama & Akal
23	Bantuan Perniagaan	Harta
24	Bantuan Deposit Sewa Beli Teksi	Harta
25	Bantuan Deposit Van/Bas Sekolah	Harta
26	Bantuan Pertanian	Nyawa & Harta
27	Bantuan Membeli Motorsikal OKU	Harta
28	Bantuan Kepada Agensi-agensi Kebajikan (NGO) dan Institusi Pendidikan	Agama

29	Bantuan Ar-Riqab	Agama & Nyawa
----	------------------	---------------

Sumber: Laman Web Rasmi MAIWP

Jadual 4 secara umumnya menunjukkan bahawa skim bantuan Aidilfitri adalah bertujuan untuk menjaga agama dan nyawa, skim bantuan am persekolahan adalah bertujuan untuk menjaga akal, skim bantuan perniagaan bertujuan untuk menjaga harta, skim bantuan membina dan membaiki rumah bertujuan menjaga keturunan dan harta dan skim bantuan perubatan bertujuan menjaga nyawa.

Manakala dalam konteks SDG, didapati skim bantuan zakat yang disediakan oleh MAIWP selari dengan enam matlamat SDG. Enam matlamat tersebut adalah SDG-1: tiada kemiskinan, SDG-2: sifar kelaparan, SDG-3: kesihatan dan kesejahteraan, SDG-4: pendidikan berkualiti, SDG-8: pengembangan kerjaya dan pembangunan ekonomi dan SDG-11: kelestarian bandar dan komuniti. Pembahagian skim bantuan MAIWP berdasarkan SDG seperti yang terdapat dalam Jadual 5.

**Jadual 5: Skim Bantuan MAIWP berdasarkan SDG**

Bil.	Skim Bantuan	SDG
1	Bantuan Kewangan Bulanan	Tiada Kemiskinan & Sifar Kelaparan
2	Bantuan Aidilfitri	Tiada Kemiskinan & Sifar Kelaparan
3	Bantuan Takaful Asnaf	Tiada Kemiskinan & Kesihatan dan Kesejahteraan
4	Bantuan Perubatan	Kesihatan & Kesejahteraan
5	Bantuan Menyelesaikan Hutang	Tiada Kemiskinan

6	Bantuan Perkahwinan	Kelestarian Bandar & Komuniti
7	Bantuan Ibnu Sabil	Tiada Kemiskinan & Kesihatan Dan Kesejahteraan
8	Bantuan Kecemasan	Kesihatan & Kesejahteraan
9	Bantuan Guaman Syarie	Kesihatan dan Kesejahteraan & Kelestarian Bandar dan Komuniti
10	Bantuan Musibah	Kesihatan dan Kesejahteraan & Kelestarian Bandar dan Komuniti
11	Bantuan Deposit Sewa Rumah/Sewa Rumah Bulanan	Kelestarian Bandar & Komuniti
12	Bantuan Membina/Membaiki Rumah	Kelestarian Bandar & Komuniti
13	Bantuan Deposit Beli Rumah Kos Rendah	Kelestarian Bandar & Komuniti
14	Bantuan Am Persekolahan	Pendidikan Berkualiti
15	Bantuan Am Pelajaran IPT	Pendidikan Berkualiti
16	Bantuan Peralatan Dan Kecemasan Sekolah	Pendidikan Berkualiti
17	Bantuan Biasiswa/ Intensif Khas Pelajar Cemerlang Dalam & Luar Negara	Pendidikan Berkualiti
18	Bantuan Persediaan IPT	Pendidikan Berkualiti

19	Bantuan Tuisyen	Pendidikan Berkualiti
20	Bantuan Pelajar Kolej Antarabangsa Sains Perubatan PUSRAWIL (PICOMS)	Pendidikan Berkualiti
21	Bantuan Pelajar Institut Profesional Baitulmal	Pendidikan Berkualiti
22	Bantuan Galakan Hafaz Al-Quran	Pendidikan Berkualiti
23	Bantuan Perniagaan	Pengembangan Kerjaya & Pembangunan Ekonomi
24	Bantuan Deposit Sewa Beli Teksi	Pengembangan Kerjaya & Pembangunan Ekonomi
25	Bantuan Deposit Van/Bas Sekolah	Pengembangan Kerjaya & Pembangunan Ekonomi
26	Bantuan Pertanian	Pengembangan Kerjaya & Pembangunan Ekonomi
27	Bantuan Membeli Motorsikal OKU	Pengembangan Kerjaya & Pembangunan Ekonomi
28	Bantuan Kepada Agensi-agensi Kebajikan (NGO) dan Institusi Pendidikan	Pengembangan Kerjaya & Pembangunan Ekonomi
29	Bantuan Ar-Riqab	Kesihatan & Kesejahteraan

Sumber: Laman Web Rasmi MAIWP

Jadual 5 menunjukkan bahawa secara umumnya, SDG-1 dan SDG-2 iaitu tiada kemiskinan dan sifar kelaparan amat bertepatan dengan skim agihan zakat yang disediakan oleh MAIWP yang mana menyediakan skim bantuan kewangan bulanan bagi menyara diri untuk pembelian makanan dan sebagainya. Manakala SDG-3 iaitu kesihatan dan kesejahteraan berkaitan dengan skim bantuan perubatan, bantuan kecemasan, bantuan musibah dan bantuan takaful asnaf. Pihak institusi zakat juga

tidak ketinggalan dalam mencapai SDG-4 iaitu pendidikan berkualiti yang mana ada menyediakan skim bantuan am persekolahan, bantuan tuisyen, bantuan biasiswa termasuk bantuan institusi pendidikan.

Selain daripada itu, dalam menjamin pembangunan ekonomi asnaf, pihak MAIWP juga menyediakan skim bantuan perniagaan yang selari dengan SDG-8 iaitu pengembangan kerjaya dan pembangunan ekonomi. Manakala SDG-11 iaitu kelestarian bandar dan komuniti mempunyai kaitan dengan bantuan sewa rumah, bantuan membaiki rumah dan bantuan deposit membeli rumah.

Kesimpulannya, dapat dirumuskan bahawa kelima-lima prinsip dalam *maqasid syariah* memainkan peranan penting dalam mengukur keberkesanan sesuatu bantuan yang disalurkan dan meningkatkan kepercayaan dan pendirian asnaf terhadap agama Islam. Manakala agenda SDG pula menggambarkan kepentingan keseimbangan dan keadilan yang perlu dicapai bagi merealisasikan skim agihan bantuan zakat yang bersifat dinamis dan global. Penilaian semula skim agihan zakat berdasarkan *maqasid syariah* dan SDG amat penting dan ia bertepatan bukan sahaja dengan prinsip yang digariskan dalam Islam, malah turut selari dengan Rancangan Malaysia ke-11 (RMK-11).

## PENUTUP

Pendekatan *maqasid syariah* dalam pengurusan zakat dilihat amat sesuai dijadikan asas dan panduan dalam tadbir urus pengurusan zakat di Malaysia. Di samping menjadikan SDG sebagai rujukan dalam pemerkasaan institusi zakat dan kesejahteraan asnaf. Secara umumnya, skim-skim bantuan zakat yang telah ditawarkan oleh MAIWP bertepatan dengan *maqasid syariah* dan SDG. Pendekatan dan amalan ini perlu dilihat secara positif oleh institusi zakat dalam mentransformasikan pengurusan zakat sedia ada dalam wajah yang baharu.

## RUJUKAN

- Al-Ghazali, Abu Hamid Muhammad bin Muhammad. 1993. *Al-Mustasfa Min 'Ilm al-Usul*. Beirut: Dar al-Ihya' al-Turath al 'Arabi.
- Al-Raisuni, Ahmad. 1995. *Nazriyyah al-Maqasid 'Inda al-Shatibi*. Riyadh: Dar al-'Alamiyyah li al-Kitab al-Islamīyy.
- Al-Shatibi, Abu Ishaq Ibrahim bin Musa Ibn Muhammad al-Lakhmi. 1997. *Al-Muwafaqat fi Usul al-Shariah*. Beirut: Dar al-Ma'rifah.
- Bharuddin Che Pa. 2013. *Islam Dalam Tadbir Urus Negara dan Masyarakat*. Kuala Lumpur: Jabatan Siyasah Syar'iyyah Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya.
- Ermy Azziati, Lukman & Wan Kamal. 2015. *Pentadbiran Rasulullah SAW: Model Tadbir Urus Yang Cemerlang*. Bangi: Penerbitan UKM.
- en.unesco.org/sdgs. Diakses pada 30 Julai 2019.
- Hasna, A. M. 2007. *Dimensions of sustainability*. Journal of Engineering for Sustainable Development: Energy, Environment, and Health.
- <https://www.maiwp.gov.my/i/index.php/en/bz>. Diakses pada 5 Ogos 2019.
- JAKIM. 2015. *Indeks Syariah Malaysia: Model Tadbir Urus Berteraskan Maqasid Syariah*. Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.
- Kamus Dewan (Edisi Keempat). 2017. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Mohd Sidek Hassan. 2007. *Tadbir Urus di Sektor Awam*.

Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM).

[http://www.pidm.gov.my/downloads/governance\\_framework\\_bm.pdf](http://www.pidm.gov.my/downloads/governance_framework_bm.pdf). Diakses pada 30 Julai 2019.

The Cadbury Report. 1992. *The Financial Aspects of Corporate Governance*. London.